

02 DEC 2002

Mahathir-Australia

AUSTRALIA LANCAR PERANG JIKA CEROBOHI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 2 Dis (Bernama) -- Malaysia akan menganggap Australia melancarkan perang terhadapnya jika negara itu mengambil tindakan mencerooh negara ini tanpa kebenaran dalam menangani keganasan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita akan pegang ini sebagai percubaan untuk melancarkan peperangan terhadap kerajaan dan negara Malaysia sekiranya Australia meneruskan hasrat menyerang mana-mana negara bagi menangani keganasan," kata Perdana Menteri.

"Kalau mereka menggunakan roket atau pesawat tanpa pilot untuk `assasination' (membunuh), maka kita akan anggap ini sebagai satu `act of war' (tindakan perang) dan kita akan ambil tindakan mengikut undang-undang kita yang menjaga keutuhan, kemerdekaan negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard bahawa negara itu sedia menyerang pengganas di mana-mana negara di rantau ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka tidak akan membenarkan sesiapa jua melaksanakan undang-undang mereka di negara ini.

"Kalau mereka mencerooh masuk tanpa kebenaran, maka kita akan anggap ini sebagai satu pencerobohan kuasa asing dan kita akan mengambil tindakan mengikut undang-undang negara kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media sebelum majlis berbuka puasa bersama menteri-menteri Kabinet, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan pegawai kanan kerajaan di Seri Perdana di sini.

Beliau berkata berkata Malaysia tetap tidak bersetuju dengan sebarang tindakan oleh mana-mana negara yang mencerooh negara-negara yang bebas untuk menguatkuasakan undang-undang mereka.

"Ia tetap akan menyebabkan keadaan menjadi lebih buruk dan kita berpendapat bukan ini caranya untuk melawan dengan keganasan," katanya.

Dr Mahathir berkata kenyataan Howard bukan sahaja mengecewakan beliau tetapi merupakan kenyataan bongkak.

Katanya, Australia begitu menonjol apabila mahu memaksa Asia menerima nilai-nilai Eropah.

-- BERNAMA

RZS MUN ZS MOZ